

SOALAN LAZIM

PERINGATAN

Penting untuk mempunyai dana yang mencukupi agar anda dapat menikmati perlindungan insurans / takaful berpanjangan



Penyata Kemampaan Tahunan

1. Apakah penyata kemampaan?



Penyata kemampaan memaparkan tempoh jangkaan perlindungan insurans/takaful anda dan tindakan-tindakan yang anda boleh mengambil untuk mengekalkan perlindungan sehingga akhir tempoh polisi/kontrak.

2. Apakah yang perlu saya lakukan apabila menerima penyata kemampaan?

Anda digalakkan untuk menyemak maklumat yang diberikan dalam penyata kemampaan untuk menilai sekiranya perlindungan insurans/takaful anda mencukupi. Anda juga boleh mempertimbangkan, berdasarkan keperluan anda, untuk mengambil sebarang tindakan yang disyorkan seperti yang dinyatakan dalam penyata kemampaan anda. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai maklumat yang diberikan atau memerlukan sebarang nasihat, sila rujuk kepada ejen/wakil jualan anda atau hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055 atau emel ke wecare@sunlifemalaysia.com.

3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi nilai akaun polisi/kontrak saya?

Nilai akaun anda mungkin akan dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berikut:



4. Apakah tindakan yang diperlukan untuk memastikan kemampaan polisi/kontrak saya?

Anda digalakkan untuk menyemak perlindungan insurans/takaful anda dengan ejen/wakil jualan anda. Anda juga boleh mempertimbangkan berdasarkan keperluan anda, untuk mengambil sebarang tindakan yang disyorkan untuk mengekalkan polisi/kontrak anda sehingga akhir tempoh polisi/kontrak:

- Membayar premium/sumbangan yang tertunggak, sekiranya ada;
- Meneruskan pembayaran premium/sumbangan pada masa akan datang; dan/atau
- Membayar premium/sumbangan penambahan berjadual tambahan.

5. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak bersetuju dengan tindakan-tindakan yang disyorkan?

Anda tidak diwajibkan untuk mengambil sebarang tindakan yang disyorkan. Anda sentiasa boleh berbincang perkara ini dengan ejen/wakil jualan anda.

6. Mengapakah saya menerima penyata kemampuan ini?

Penyata kemampuan akan disediakan setiap tahun kepada semua pemilik polisi/pemegang kontrak berkaitan-pelaburan.

7. Di manakah saya boleh mendapatkan penyata kemampuan?

Anda boleh mendapatkan penyata kemampuan anda di Portal atau Aplikasi Pelanggan kami; [SunAccess](#) sebagai sebahagian daripada penyata tahunan anda.

8. Adakah sebarang tarikh tamat bagi saya untuk membalas selepas saya menerima penyata kemampuan?

Tidak ada sebarang tarikh tamat untuk anda membalas. Walaubagaimanapun, anda adalah digalakkan untuk [mengambil tindakan-tindakan yang disyorkan](#), berdasarkan keperluan anda, seperti yang dinyatakan dalam penyata kemampuan anda.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin membuat premium/sumbangan tambahan seperti yang disyorkan dalam penyata kemampuan?

Anda boleh memuat turun borang “[Permohonan untuk Penambahan](#)” pada laman web korporat kami www.sunlifemalaysia.com atau Portal atau Aplikasi Pelanggan kami; [SunAccess](#). Sila hantar kepada kami, salinan imbasan atau gambar borang yang lengkap melalui emel kepada wecare@sunlifemalaysia.com.



MUAT TURUN

Cetak dan isi borang



**IMBAS/
AMBIL GAMBAR**

Imbas/ ambil gambar borang yang lengkap



EMEL

Emel kepada wecare@sunlifemalaysia.com

10. Adakah saya akan menerima penyata kemampuan yang disemak semula selepas saya membayar premium/sumbangan tambahan yang disyorkan?

Tidak, Sun Life Malaysia tidak akan mengeluarkan sebarang penyata kemampuan selepas menerima pembayaran anda. Penyata kemampuan hanya akan disediakan secara tahunan pada akhir setiap tahun.

11. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan sekiranya saya memerlukan penjelasan mengenai penyata kemampuan?

Sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan, anda boleh menghubungi talian [Khidmat Pelanggan Careline](#) kami di 1300-88-5055 atau emel ke wecare@sunlifemalaysia.com.

Penyata Kemampanan Pemindaan Polisi/Kontrak

1. Apakah penyata kemampanan pemindaan polisi/kontrak?

Penyata kemampanan ini memaparkan tempoh jangkaan perlindungan insurans/takaful anda, sebelum dan selepas permohonan pemindaan polisi/kontrak anda, seperti pengeluaran separa atau pengurangan premium/sumbangan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya penyata kemampanan pemindaan polisi/kontrak menunjukkan bahawa polisi/kontrak saya akan luput lebih awal selepas permintaan pengeluaran saya? Bolehkan saya meneruskan pengeluaran saya?

Ya, anda dibenarkan meneruskan permintaan pengeluaran anda. Walaubagaimanapun, anda harus ketahui bahawa kemampanan polisi/kontrak anda dijangka akan berubah, seperti yang dinyatakan dalam penyata kemampanan.

3. Adakah sebarang perubahan ke atas keputusan ke atas penyata kemampanan pemindaan polisi/kontrak sekiranya dikira pada hari yang berlainan?

Ya, ia mungkin akan berbeza disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan harga-harga unit dana.

4. Mengapakah saya menerima penyata kemampanan pemindaan polisi/kontrak?

Tujuan penyata kemampanan adalah untuk membantu anda membuat keputusan yang bermaklumat sebelum pemindaan polisi/kontrak yang mungkin menjejaskan perlindungan insurans/takaful anda.

5. Apakah pilihan-pilihan yang dapat meningkatkan kemampanan polisi/kontrak saya?

Anda boleh memilih premium/sumbangan penambahan tunggal/berkala atau mempertimbangkan pengurangan perlindungan anda.



Penambahan premium/
sumbangan secara
tunggal/ berkala



Mempertimbangkan
pengurangan
perlindungan anda

6. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk saya menerima penyata kemampanan pemindaan polisi/kontrak selepas permohonan pemindaan polisi/kontrak saya telah dihantar?

Kami akan menghantar penyata kemampanan pemindaan polisi/kontrak kepada anda dalam tempoh masa 5 hari bekerja.

7. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan sekiranya saya memerlukan penjelasan mengenai penyata kemampanan?

Sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan, anda boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055 atau emel ke wecare@sunlifemalaysia.com.